

29/05/2003

Sasterawan boleh pupuk jati diri masyarakat: PM

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata karyawan sastera boleh berfungsi memupuk jati diri serta sikap terbuka terhadap usaha moden

di kalangan masyarakat menerusi karya mereka.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, karyawan sastera perlu mencari keseimbangan yang dinamis dalam usaha melaksanakan dua fungsi kembar itu.

"Kita tidak boleh terlalu taksub dengan keinginan mempertahankan jati diri sambil menutup mata terhadap realiti dan perubahan di sekeliling kita.

"Kita juga tidak boleh membiarkan diri kita hanyut oleh arus modenisasi

dan nilai luaran yang merugikan sambil kita mengabaikan nilai positif dalam budaya kita," katanya pada majlis penyampaian hadiah sastera Kumpulan Utusan 2002 di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, tokoh bahasa dan sastera seperti Abdul Rahim Kajai,

Harun Aminurrashid, Pak Sako, Keris Mas dan Usman Awang berjaya menjalankan fungsi mempertahankan jati diri bangsa serta pelopor modenisasi dan kemajuan umat.

Katanya, mereka mempertahankan jati diri kebangsaan dengan memperkasa bahasa dan sastera Melayu walaupun mutu dan kemajuan bahasa dan sastera Melayu belum memuaskan hati.

Dr Mahathir berkata, mereka turut mempelopori modenisasi dengan memperkenalkan nilai moden supaya bangsa dapat menyesuaikan diri dengan kemajuan zaman walaupun kemajuan yang dicapai setakat ini masih belum memuaskan.

Mengenai budaya membaca di kalangan masyarakat, Dr Mahathir dukacita kerana buku sastera yang bermutu dalam bahasa Melayu susah untuk dijual dan hanya laku jika menjadi buku teks sekolah.

Jika tidak, katanya, untuk menjual 5,000 naskhah karya sastera terkenal sekalipun mengambil masa hingga lima tahun.

"Keadaan sangat jauh berbeza dibandingkan dengan penerbitan dan penjualan buku di negara lain terutama yang ditulis dalam bahasa Inggeris.

"Bukanlah menghairankan jika pengarang dalam bahasa Inggeris menjadi jutawan semata-mata hasil royalti buku mereka tetapi dalam bahasa Melayu bukan saja buku sastera yang bermutu tinggi menghadapi masalah penjualan,

malah buku bacaan bahasa pun susah untuk laku," katanya.

Beliau berkata, tabiat membaca belum lagi menjadi budaya di kalangan masyarakat sama ada Melayu mahu pun bukan Melayu.

Katanya, dalam keadaan masyarakat malas membaca, sukar untuk membayangkan bagaimana dunia sastera dalam bahasa kebangsaan akan maju dan

berkembang mencapai mutu setanding karya sastera antarabangsa.

Perdana Menteri juga gembira mendapati ada penulis bukan Melayu turut

menceburi dunia sastra berbahasa Melayu.

Katanya, ini membuktikan sastra Melayu tidak lagi dimonopoli penulis Melayu, malah, katanya, penulis bukan Melayu banyak memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan sastra kebangsaan.

"Penulis bukan Melayu yang menghasilkan karya sastra bahasa Melayu boleh memainkan fungsi penting meningkatkan persefahaman antara kaum.

"Pembaca dalam bahasa Melayu harus didedahkan kepada denyut nadi serta suka duka dan pahit manis kehidupan masyarakat bukan Melayu. Di sinilah karya bahasa Melayu penulis bukan Melayu dapat berfungsi dengan berkesan," katanya.